

Ada pemimpin politik, penjawat awam atau swasta rakus guna kuasa untuk merasuah

# Hilang RM277b akibat rasuah

**Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Isu rasuah di negara ini terus membengkak sehingga mencecah kerugian puluhan bilion ringgit setahun.

Berdasarkan perkiraan Ke-  
luaran Dalam Negara Kasar  
(KDNK) dari 2018, Malaysia ke-

hilangan kira-kira RM277 bilion akibat rasuah dalam tempoh lima tahun lalu.

Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, jumlah yang hilang itu sepatutnya dimanfaatkan untuk rakyat.

Perdana Menteri berkata, banyak isu rakyat boleh diselesaikan jika negara dapat meng-

hentikan kerakusan pihak-pihak yang menggunakan kuasa mereka sama ada pemimpin politik, penjawat awam atau swasta untuk merasuah.

“Jadi, rasuah tidak boleh dipandang remeh untuk memeringi. Kita mesti ada kuasa, komited dan keberanian serta undang-undang selain tekad

politik yang jelas dan tegas.

“Saya percaya dengan kekuatan ini, kita tidak sanggup berkompromi dengan rasuah dan mengambil sebarang tindakan daripada semua pasukan penguat kuasa terlibat walaupun tonggakanya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) harus memastikan

negara ini beranjak daripada keterlanjuran lalu dan lebih bertekad untuk membanteras,” katanya ketika berucap dalam majlis peluncuran Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 di sini, semalam.

**Bersambung di muka 2**

# Hilang RM277b akibat rasuah

## Dari muka 1

NACS 2024-2028 dilancarkan bagi menggantikan Pelan Anti-rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang berakhir pada Disember 2023.

Anwar menegaskan, pertarungan membanteras rasuah diibaratkan dahsyat kerana kerajaan dan pasukan penguat kuasa terpaksa menghadapi serangan dan tohmahan dalam usaha itu.

Menurutnya, terdapat segelintir pihak yang tetap akan mempertahankan dan menghalang sebarang tindakan diambil terutama dalam kalangan berpengaruh dan ada darjat dalam kalangan masyarakat.

"Apabila kita perangi perasuah, perasuah bukan manusia kecil dan kerdil, perasuah itu orang berpengaruh, orang darjat atas, dia akan gunakan sebarang usaha melalui media sosial, jentera kerajaan sedia ada, melalui kuasa dan pengaruh politik untuk halang dan menyerang sama ada tokoh politik atau bidang penguasa.

"Saya percaya, keluarga SPRM tahu bagaimana kadang-kadang mereka terpaksa hadapi serangan

tohmahan, malah keselamatan kerana dalam pertarungan ini, pertarungan yang dahsyat," katanya

Dalam pada itu, menjelaskan mengenai NACS 2024-2028, Anwar berkata, sebanyak lima strategi digariskan kerajaan melibatkan aspek pendidikan, kebertanggungjawaban awam, suara rakyat, penguatkuasaan selain ganjaran dan insentif.

"Bagi aspek pendidikan, anak-anak sekolah mesti dilatih untuk membenci rasuah dan salah guna kuasa. Di universiti dan dalam kalangan rakyat, mesti ada program pendidikan meluas supaya ada sikap (tolak rasuah).

"Sekarang ini, orang rasuah kerana dia kaya, dia bagi habuan. Kita solat, setiap tahun pergi umrah, tetapi soal nilai antara hak dan batil, amal makruf dan nahi mungkar tidak dapat dibezakan.

"Sebab itu saya kata, peningkatan ilmu dan kefahaman adalah sangat penting," jelasnya.

Sementara itu dalam majlis sama, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, jum-

lah kerugian yang cukup besar itu sewajarnya boleh dimanfaatkan untuk membantu rakyat dalam pelbagai aspek terutama pelaksanaan projek sosial seperti membaik pulih hospital dan sekolah.

Malangnya, beliau kesal nilai sejumlah itu tiris akibat jenayah rasuah.

"Kalau dibahagi lima (angka kerugian itu) puratanya lebih kurang dalam RM55 bilion setahun.

"Jadi, jumlah ini yang kita semua perlu selamatkan. Angka dari segi kos yang boleh dijimatkan dan bukannya pendapatan. Kalau kita dapat selamatkan wang-wang begini, ia akan dapat membahagiakan kita semua," katanya.

Dalam pada itu, Azam berkata, NACS diyakini dapat mencapai sasaran terutama dalam membanteras rasuah dengan menggariskan strategi berkaitan terutama skop pengoperasian dan penguatkuasaan.

Menurutnya, semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan akan dilibat untuk melihat kepada pelbagai banyak perkara tatakelola termasuk isu-isu reformasi undang-undang.

7 MEI 2024 (SELASA)

PUSAT KONVENSyen ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)



**ANWAR Ibrahim (tengah) menunjukkan buku Strategi Pembanteras Rasuah Nasional 2024-2028 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) semalam. - UTUSAN/ FAISOL MUSTAFA**